

# **STPM Kertas 1 2018:**

## **Soalan 1 Jawapan yang dicadangkan**

(a) Dua jenis kesilapan yang akan menjelaskan keseimbangan imbalan duga:

1. Merekod catatan bergu urus niaga di bahagian yang sama, iaitu kedua-dua catatan dibuat di sebelah debit atau kredit sahaja.
2. Merekod catatan bergu sesuatu urus niaga dengan amaun yang berbeza. Ini bererti catatan debit mempunyai satu amaun dan catatan kredit mempunyai satu amaun yang lain bagi urus niaga yang sama.
3. Merekod sebahagian daripada catatan bergu bagi sesuatu urus niaga. Ini bermaksud hanya catatan debit atau catatan kredit sahaja dibuat.
4. Mengirakan baki sesuatu akaun secara salah dan baki ini ditunjukkan di Imbalan duga.
5. Memindahkan baki yang salah ke dalam Imbalan duga.
6. Merekod baki sesuatu akaun di ruangan yang salah dalam Imbalan duga.

Dua jenis kesilapan yang tidak akan menjelaskan keseimbangan imbalan duga:

1. Kesilapan ketinggalan catatan satu urus niaga merujuk kepada kesilapan di mana satu urus niaga tidak direkodkan langsung dalam buku perakaunan.
2. Kesilapan songsang merujuk kepada kesilapan merekodkan catatan bergu sesuatu urus niaga secara terbalik.
3. Kesilapan catatan amaun asal merujuk kepada kesilapan merekod sesuatu urus niaga dengan catatan bergu yang betul tetapi dengan amaun asal yang salah.
4. Kesilapan komisen merujuk kepada kesilapan merekod secara catatan bergu dalam akaun yang salah tetapi kelas akaun yang betul.
5. Kesilapan prinsip merujuk kepada kesilapan merekod secara catatan bergu dalam akaun dan kelas akaun yang salah.
6. Kesilapan saling mengimbangi (hanya wujud dalam sistem perakaunan manual) merujuk kepada dua atau lebih kesilapan ketara yang boleh mengimbangi sesama sendiri.

(b) (i) Catatan jurnal:

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
		RM	RM
2017			
Jun 30	Belanja hutang ragu Peruntukan hutang ragu (Merekod mewujudkan peruntukan hutang ragu)	110	110
	Belanja bekalan pejabat Bekalan pejabat (Merekod bekalan pejabat yang digunakan)	15,300	15,300
	Belanja sewa (lihat nota) Sewa terdahulu Sewa belum bayar (Merekod belanja sewa untuk tahun kewangan)	20,900	20,000 9,000
	Belanja insurans Insurans terdahulu (Merekod belanja insurans untuk tahun kewangan)	6,667	6,667

	Belanja susut nilai K & P pejabat Susut nilai terkumpul K & P pejabat (Merekod belanja susut nilai tahunan kelengkapan dan peralatan pejabat)	19,000	19,000
	Akaun belum bayar Tunai (Merekod pembetulan kesilapan prinsip)	1,600	1,600
	Belanja perkhidmatan bank Faedah bank Bank (Merekod catatan kemas kini buku tunai)	1,300	750 550
	Hasil belum terperoleh Hasil perkhidmatan (Merekod hasil yang terperoleh)	7,200	7,200
	Belanja am Tunai Belanja am belum bayar (Merekod kesilapan catatan amaun asal dan prinsip)	180 570	750
	Hasil perkhidmatan Hasil belum terperoleh (Merekod hasil belum terperoleh pada akhir tahun)	8,800	8,800

Nota:

Andaian bahawa belanja sewa untuk suku tahun keempat belum lagi dibayar, perniagaan telah menggunakan pendekatan aset untuk merekod pembayaran sewa dan sewa bulanan pada suku tahun sebelum ini tidaklah sama dengan suku tahun keempat. Akaun belanja sewa patut ditunjukkan dalam baki akaun-akaun jika belanja sewa telah direkodkan untuk tiga suku tahun sebelum ini.

(ii) Penyediaan penyata pendapatan komprehensif:

<b>Firma Perundangan Gemilang</b>		
<b>Penyata Pendapatan Komprehensif bagi tahun berakhir 30 Jun 2017</b>		
	RM	RM
Hasil perkhidmatan $(232,500 + 7,200 - 8,800)$		230,900
Hasil faedah bank		750
		231,650
Tolak: Belanja		
Belanja hutang rugu	110	
Belanja bekalan pejabat	15,300	
Belanja sewa	29,000	
Belanja insurans	6,667	
Belanja susut nilai K & P pejabat	19,000	
Belanja gaji	61,830	
Belanja utiliti	6,800	
Belanja am $(570 + 180)$	750	
Belanja perkhidmatan bank	1,300	140,757
		90,893